

Potensi pasaran belimbing madu

INDUSTRI pertanian melibatkan penanaman dan pengeluaran buah belimbing madu berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat global.

Menurut **Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Tanaman, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Siti Zaharah Sakimin**, belimbing madu atau B17 sangat kaya dengan sumber vitamin, mineral, protein, karbohidrat dan vitamin A serta E yang baik untuk tubuh badan.

Belimbing madu dengan kandungan serat yang sedikit sesuai dijadikan diet untuk

mengawal berat badan di samping menjaga kecantikan dan kesihatan dalaman dan luaran.

“Belimbing madu juga berfungsi mengawal radikal bebas daripada menyerang molekul dalam tubuh seperti lipid, asid nukleik dan protein, sekali gus dapat mengurangkan kerosakan sel, protein dan asid deoksiribonukleik (DNA) serta gangguan keseimbangan dalam tubuh.

“Kandungan serat, tanin



SITI ZAHARAH

dan air mampu mengawal proses pencernaan tubuh badan, manakala kandungan flavonoid dan antioksidannya yang tinggi dapat menghindarkan diri daripada kanser,” katanya.

Menurut beliau lagi, seperti nanas daripada varieti MD2 dan durian Musang King yang sudah menembusi pasaran antarabangsa, belimbing madu juga mempunyai potensi yang besar untuk dieksport disebabkan oleh permintaan yang tinggi dari luar negara.

Justeru katanya, bagi memastikan pengeluaran buah belimbing madu dapat dilakukan dalam skala yang besar, pelbagai pihak khususnya kerajaan perlu menggalakkan amalan pertanian secara komersial oleh petani tempatan.

Malah, pelbagai bantuan insentif juga perlu disalurkan kepada petani yang terlibat dalam penanaman belimbing madu agar kualiti buah yang dihasilkan mampu mencapai kehendak dan standard yang ditetapkan bagi tujuan eksport.